

11 JAN, 2024

## Agrobank buka Pusat Pembangunan Komuniti pertama di Malaysia

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Agrobank buka Pusat Pembangunan Komuniti pertama di Malaysia

Jadi hab pertanian,  
pendidikan dan  
pembangunan  
komuniti

#### KOTA BHARU

**A**grobank memperkenalkan Pusat Pembangunan Komuniti (CDC) yang pertama di Malaysia berteraskan pembangunan masyarakat luar bandar.

Pembukaan pusat berkenaan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di Tunjung itu berfungsi sebagai hab inovasi pertanian, pendidikan dan penglibatan komuniti setempat.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, waktu operasi CDC di lokasi itu di luar daripada pengoperasian biasa bank berkenaan.

"Agrobank membuka operasi di CDC seawal jam 7 pagi dan tutup pada jam 4:30 petang bagi memudahkan pemberoran dan peruncit mendapatkan perkhidmatan perbankan daripada pakar kewangan kami.

"Inisiatif ini selaras dengan aspirasi kerajaan bagi memastikan rakyat terutamanya kumpulan tumpuan mendapat maklumat bertujuan pembangunan kendiri serta akses yang pantas dan mudah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Pusat Pembangunan Komuniti di RTC Tunjung, di sini pada Selasa yang disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.



Mohamad menandatangani plak perasmian premis Pusat Pembangunan Komuniti Agrobank di RTC Tunjung di Kota Bharu pada Selasa.

#### Manfaat

Tambahnya, CDC berkenaan turut memberi manfaat khususnya kepada komuniti sektor pertanian termasuk peniaga dan pemborong dari luar termasuk Terengganu.

Menurut Tengku Ahmad Badli Shah, perasmian CDC Agrobank merupakan komitmen bank itu terhadap pertumbuhan pertanian yang mampan.

"Ia sesuai dengan pelbagai maklumat yang disediakan termasuk geran, subsidi dan peluang pembiayaan serta akses sumber kewangan untuk

pembangunan projek pertanian," jelasnya lagi

Pusat itu juga kata beliau, menyediakan perkhidmatan pembangunan modal insan dalam mengintegrasikan petani dan teknologi untuk meningkatkan kecekapan merangkumi penggunaan alat pertanian khusus, perisian pengurusan ladang dan peranti IoT.

"Ia turut menyokong pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar untuk mewujudkan nilai perniagaan yang besar termasuk prinsip amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan kerjasama dengan agensi kerajaan dan

“

Inisiatif ini selaras dengan aspirasi kerajaan bagi memastikan rakyat terutamanya kumpulan tumpuan mendapat maklumat bertujuan pembangunan kendiri serta akses yang pantas dan mudah."

- Tengku Ahmad Badli Shah

pertubuhan bukan kerajaan (NGO)," katanya.

Jelas beliau, pusat itu menjadi manifestasi dedikasi mereka untuk memperkasakan komuniti tempatan, memupuk inovasi dan menyumbang kepada kemakmuran jangka panjang sektor pertanian.

#### Perancangan

Bagi mengukuhkan pembangunan masyarakat luar bandar, Agrobank berharap untuk membuka dua lagi CDC di pusat perniagaan yang dimiliki Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Dua rancangan pembukaan CDC itu katanya melibatkan lokasi di Gopeng, Perak dan Kalabakan di Sabah.

Mengulas lanjut mengenai CDC di RTC Tunjung, lokasi tersebut merupakan kompleks pasar borong yang dihuni oleh 807 peruncit.

"Pembangunan pusat ini berperanan sebagai salah satu inisiatif untuk mencapai misi Agrobank 'Memperkasakan Pertanian Melangau Perbankan,' ujarnya.



Mohamad (depan) membuat transaksi di mesin pengeluaran wang automatik (ATM) di CDC Agrobank di RTC Tunjung.



Mohamad mendengar penerangan semasa melawat CDC Agrobank di RTC Tunjung. - FOTO:BERNAMA

11 JAN, 2024

## Agrobank buka Pusat Pembangunan Komuniti pertama di Malaysia

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Jadi hab pertanian, pendidikan dan pembangunan komuniti Agrobank buka Pusat Pembangunan Komuniti pertama di Malaysia. Mohamad menandatangani plak perasmian premis Pusat Pembangunan Komuniti Agrobank di RTC Tunjung di Kota Bharu pada Selasa. Manfaat Tambahnya, CDC berkenaan turut memberi manfaat khususnya kepada komuniti sektor pertanian termasuk peniaga dan pemberong dari luar termasuk Terengganu. Menurut Tengku Ahmad Badli Shah, perasmian CDC Agrobank merupakan komitmen bank itu terhadap pertumbuhan pertanian yang mampan.